

Aduan: Ada pihak mahu ambilalih ibu pejabat MCA

UM 19 AUG 1985

KUALA LUMPUR 18 Ogos — Ibu pejabat MCA di sini membuat laporan kepada polis ekoran maklumat yang diterima kononnya "puak yang bertindak bagi pihak Pemangku Presiden Datuk Mak Hon Kam akan cuba mengambilalih ibu pejabat itu dengan kekerasan".

Menurut kenyataannya hari ini, laporan polis itu dibuat bagi memastikan keselamatan kakitangan dan harta benda.

Kakitangan ibu pejabat parti telah diarah berjagajaga sementara kawalan keselamatan diperketatkan.

Kenyataan itu juga memberi amaran kepada Datuk Mak supaya berpegang kepada "undang-undang dan peraturan".

Sementara itu, para pemberita yang pergi ke ibu pejabat parti itu hari ini diperiksa rapi oleh pengawal keselamatan dan semua pintu masuk dikawal.

Sementara itu, Senator Lim Sean Lian dipecat daripada jawatan setiausaha penganjur MCA yang berkuatkuasa mulai hari ini, demikian diumumkan oleh setiausaha biro publisiti parti, Encik C.S. Wong di sini hari ini.

Surat pemecatan itu yang ditandatangani oleh Pemangku Presiden, Datuk Dr. Neo Yee Pan telah disampaikan kepada beliau oleh seorang kakitangan di ibu pejabat parti semalam.

Encik Wong memberitahu Bernama bahawa Datuk Dr. Neo juga mengarahkan mesyuarat jawatankuasa pusat diadakan di Wisma MCA di sini Selasa ini.

LIHAT MUKA 6